

Sukarelawan UMP agih 2,100 pek bubur lambuk

Oleh NURUL NADIRA SHAARI

utusanktni@utusan.com.my

KUANTAN 6 Jun - Seramai 30 sukarelawan terdiri daripada kakitangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyediakan kira-kira 2,100 pek bubur lambuk yang diagihkan kepada orang ramai di Padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 1, di sini kelmarin.

Program Memasak Bubur Lambuk Komuniti 2018 anjuran UMP itu turut mendapat kerjasama Matahari, Pahang FM, Alam Media dan Tirai Anjung Enterprise yang bersama bergotong-royong menyediakan tujuh periuk bubur lambuk seawal pukul 9 pagi.

Naib Canselor UMP, Datuk Seri Prof. Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program berkenaan adalah sebagai landasan kepada kakitangan UMP untuk memperluaskan jaringan komuniti sekali gus memperkasakan khidmat sosial dalam kalangan masyarakat setempat.

"Tahun ini kita membawa kelainan dalam program tradisi Memasak Bubur Lambuk Komuniti dengan menganjurkannya di luar kampus bermula dengan aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk pada pukul 9 pagi sehingga agihan kepada orang ra-



DR. DAING NASIR IBRAHIM mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai yang berbuka puasa di Padang MPK, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.- UTUSAN/GHAZALI ALIAS

mai bermula pukul 4 petang.

"Dalam pengajuran kali ini, pihak UMP turut membawa 30 mahasiswa antarabangsa untuk merasai suasana berbuka puasa beramai-ramai di Padang MPK 1 yang dapat memberikan mereka pendedahan terhadap keindahan

tradisi dan budaya masyarakat pada bulan Ramadan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan berkenaan yang turut Timbalan Pengarah Radio Televisyen Malaysia negeri, Nasrul Hakim Md. Noh.

Menurut Daing Nasir, selain pengajuran program berkenaan, UMP turut mengadakan Festival Ramadan serta menyediakan sebanyak 2,000 hidangan berbuka untuk diagihkan kepada mahasiswa di kedua-dua kampus institusi pengajian tinggi berkenaan.

Sementara itu, mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri UMP, Natalie Gerth, 24, berkata, dia kagum dengan tradisi masyarakat Malaysia yang prihatin membantu komuniti daripada pelbagai aspek.

Mahasiswa berasal dari Breman, Jerman itu mengakui teruja untuk merasai nikmat berbuka puasa memandangkan ia adalah

pengalaman pertamanya berbuka di Padang MPK 1 yang dilihat unik ketika di bulan Ramadan.

"Meskipun berlainan agama, saya tetap mencuba pengalaman berpuasa bersama rakan-rakan beragama Islam di kampus. Budaya dan amalan masyarakat Malaysia amat unik terutama pada bulan Ramadan.

"Bukan sekadar meriah dengan pelbagai jualan makanan tetapi masyarakat di sini tidak melepaskan peluang untuk membantu antara satu sama lain khususnya golongan memerlukan bantuan," katanya.